



**TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN MASALAH GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KOMSAS**

*(Level Of Knowledge, Attitudes and Problems Among Malay Language Teachers Regarding The Application
of The Higher-Order Thinking Skills in Malay Literature Teaching and Learning)*

Nur Shahirah Mat Isa^{1*}, Zamri Mahamod¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

*Corresponding Author: nurshahirah39@gmail.com

Received: 8 February 2021 • Accepted: 5 April 2021 • Published: 30 April 2021

Abstract

This study aimed to learn the knowledge, attitude and problems of Malay Language teachers on the implementation of higher-order thinking skills (HOTS) in teaching and learning (T&L) literature component (KOMSAS) in secondary schools. The study was conducted because there are Malay Language teachers who have a low mastery of the syllabus and content of KOMSAS. Respondents of this study consisted of 108 Malay Language teachers in secondary schools that teach in Timur Laut district, Penang. The design of this study is a study that uses descriptive analysis. This study uses questionnaires as instruments. Data were analyzed using Social Package for Social Sciences (SPSS) version 25.0 for descriptive data description. The findings showed the mean average value of teacher knowledge level before T&L (min 3.917) and current T&L (min 3.970), teacher attitude level before T&L (mean 3.894) and current T&L (min 3.875) against HOTS in T&L KOMSAS showed the average mean value was at a high level, while the average mean value of problems on teachers (mean 3.116) and problems on students (mean 2.578) to implement KBAT in T&L KOMSAS are at a moderate level. This indicates that the knowledge, attitudes and problems affecting the implementation of HOTS among Malay language teachers in the T&L of KOMSAS.

Keywords: Knowledge, attitude, problems, HOTS, KOMSAS

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) komponen

sastera (KOMSAS) di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan kerana terdapat guru bahasa Melayu yang mempunyai penguasaan yang rendah tentang sukatan pelajaran dan kandungan KOMSAS. Responden kajian ini terdiri daripada 108 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah yang mengajar di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan analisis deskriptif. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Data dianalisis dengan menggunakan *Social Package for Science Social* (SPSS) versi 25.0 untuk pemerihalan data secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan nilai purata min bagi tahap pengetahuan guru sebelum PdP (min 3.917) dan semasa PdP (min 3.970), tahap sikap guru sebelum PdP (min 3.894) dan semasa PdP (min 3.875) terhadap KBAT dalam PdP KOMSAS menunjukkan nilai purata min berada pada tahap tinggi, manakala nilai purata min bagi masalah terhadap guru (min 3.116) dan masalah terhadap pelajar (min 2.578) untuk menerapkan KBAT dalam PdP KOMSAS berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu mempengaruhi penerapan KBAT dalam KOMSAS dalam kalangan pelajar ketika proses PdP dijalankan.

Kata kunci: Pengetahuan, sikap, masalah, KBAT, KOMSAS

Cite as: Isa, N.S.M., Mahamod, Z. (2021). Level Of Knowledge, Attitudes and Problems Among Malay Language Teachers Regarding The Application of The Higher-Order Thinking Skills in Malay Literature Teaching and Learning. *Asian People Journal*, 4(1), 103-117.

PENGENALAN

Kurikulum pendidikan telah dibuat semakan semula oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2017. KPM telah mewujudkan beberapa aspek pembaharuan kurikulum pada peringkat sekolah menengah untuk pelajar tingkatan satu di seluruh Malaysia. Pelaksanaan pembaharuan kurikulum tersebut adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi fokus kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pelaksanaan KSSM telah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tujuan KSSM dilaksanakan adalah untuk melahirkan pelajar yang berkarisma dan mampu untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Haluan sistem pendidikan pada masa kini telah membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menerusi pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah menjadi trend terkini dalam proses pengajaran bahasa Melayu. KBAT menjadi suatu kemampuan dalam menerapkan nilai dalam membuat penaaakulan, kemahiran dan refleksi untuk membuat keputusan, pengetahuan dalam penyelesaian masalah, berinovasi dan mampu mencipta sesuatu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM 2014). Hal ini bermakna, proses pemikiran yang kreatif dan kritis yang meluas serta mendalam yang mampu membuat pertimbangan dan keputusan bagi menyelesaikan sesuatu masalah memerlukan elemen-elemen KBAT. Justeru, KBAT menerusi aktiviti yang berbentuk penyelesaian masalah, penaaakulan, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran inkuiri dan banyak lagi boleh diterapkan di dalam kelas. Oleh itu, menerusi penerapan KBAT dalam PdP, para pelajar haruslah memahami, menggabung dan menghubungkan sesuatu maklumat yang diperolehi, memanipulasi dan mengkategorikan bagi menghasilkan kefahaman baharu dan penemuan makna (A. Rahman et. al, 2015). Para

pelajar juga perlu mampu untuk berfikir di luar kotak dan berupaya untuk menggunakan pengetahuan untuk mengendalikan dan menyelesaikan setiap permasalahan baharu yang berlaku selaras dengan usaha pihak KPM menerusi inisiatif KBAT diharapkan dapat memakmurkan negara dengan kewujudan insan yang seimbang dan bertanggungjawab. Para pelajar boleh mengambil risiko untuk mencuba penyelesaian yang baharu dan juga mereka boleh dibantu untuk menghadapi cabaran dengan pemupukan dan pembudayaan KBAT (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2014).

Menurut Wan Azmawani dan Norasmah (2017), salasilah perkembangan sastera dan kesusasteraan telah memperlihatkan suatu bentuk pertalian rapat dengan bahasa yang telah menerapkan komponen sastera (KOMSAS) melalui suatu bentuk pemikiran dalam pengajaran bahasa terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu. Juriah (2010), menyatakan bahawa pada zaman dahulu bahasa Melayu telah menjadi bahasa *lingua franca* ataupun bahasa perdagangan seterusnya telah menjadikan bahasa Melayu di mercu kecemerlangan sebagai bahasa tamadun bangsa Melayu. Oleh itu, KOMSAS menjadi elemen yang penting bagi memperkasakan bahasa Melayu.

Selanjutnya, KOMSAS telah diperkenalkan pada tahun 2000 di sekolah menengah bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan empat. Pelaksanaannya telah diperluas apabila telah diuji dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelaksanaan ini merupakan kesinambungan unsur sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang telah diperkenalkan sejak tahun 1984. Kamaruzaman (2002), menyatakan bahawa penjiwaan unsur dan pemupukan nilai murni dari segi kemasyarakatan, kemanusiaan, kerohanian, kebudayaan dan menanamkan perasaan cinta dan bangga kepada negara di samping dapat menerapkan kemahiran insaniah dalam kehidupan telah menjadi objektif utama KOMSAS.

Pengetahuan, sikap dan masalah yang sering dihadapi oleh guru bahasa Melayu merupakan tiga faktor penting dalam memastikan kelancaran pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Hal ini kerana, perkara tersebut dihadapi oleh guru dalam PdP Bahasa Melayu semasa pengajaran KOMSAS akan memberikan impak positif mahupun negatif kepada pembelajaran pelajar seterusnya mempengaruhi tahap penguasaan para pelajar dalam pembelajaran KOMSAS. Apabila guru kurang penguasaan, hal ini akan mengakibatkan pelajar lemah dalam penguasaan tersebut dan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di dalam kelas membosankan dan kurang diminati.

Oleh yang demikian, penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS sangat penting dan diperlukan untuk menarik minat pelajar disamping dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar melalui aktiviti yang boleh menggalakkan kemahiran berfikir pelajar. Melalui perancangan dan pengaplikasian aktiviti tersebut, bimbingan daripada guru amat penting supaya amalan berfikir dapat dipertingkatkan. Penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir dan menggunakan penyoalan beraras tinggi menjadikan para pelajar lebih bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu dalam penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS.

Guru berperanan penting dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Segala usaha dan tindakan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merealisasikan harapan pendidikan negara akan menjadi sia-sia sekiranya terdapat guru tidak memainkan peranan yang berkesan dalam menjalankan tugas mereka sebagai penyampai ilmu kepada pelajar. Guru perlulah sentiasa bersedia untuk menghadapi segala kesulitan yang timbul semasa proses PdP. Seseorang

guru juga perlu mempunyai kemahiran, pengetahuan dan latihan yang mencukupi sebagai persediaan untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan dan baik kepada para pelajar.

Proses PdP yang melibatkan penerapan KBAT berada pada tahap rendah (Norlaila dan Md. Nasir, 2019). Hal ini demikian kerana, pengetahuan seseorang guru tentang konsep KBAT amat penting kerana perkara tersebut akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran bagi pelajar. Pengajaran yang berunsurkan KBAT menjadi satu cabaran kepada guru-guru di sekolah (Nor Laila dan Md Nasir 2019). Oleh yang demikian, para guru terutamanya guru-guru Bahasa Melayu perlu mempunyai pengetahuan dan penguasaan tentang KBAT kerana kemahiran berfikir tersebut dapat mempengaruhi persepsi para guru terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

PdP bertindak sebagai suatu medium terpenting kepada para guru untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdP KOMSAS. Hal ini melihat tentang tahap keupayaan guru Bahasa Melayu mengajar KOMSAS dan mengapikasi atau menerapkan KBAT dalam PdP tersebut. Apabila seseorang guru tidak mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdP KOMSAS dan menggalakkan pelajar untuk berfikir bagi menyelesaikan sesuatu masalah akan menyebabkan para pelajar menjadi pasif ketika proses PdP dijalankan. Hal ini selari dengan pernyataan Rahimah dan Zamri (2015), yang menyatakan bahawa guru-guru kurang menerapkan KBAT di dalam kelas dan tidak terkecuali dalam PdP KOMSAS. Selain itu, terdapat juga guru Bahasa Melayu yang tidak memahami sukatan pelajaran KOMSAS. Guru juga tidak mengetahui dan faham tentang fungsi mereka sebagai pemudah cara (Sri Murniati dan Al Mustaqeem, 2011). Hal ini akan mengakibatkan kesukaran kepada guru untuk mengendalikan PdP KOMSAS dan menerapkan KBAT dalam pengajaran guru tersebut. Penguasaan guru terhadap kandungan pengajaran KOMSAS amat penting untuk menjadikan sesuatu pengajaran itu lebih berkesan. Menurut Rozaiman (2015), pengetahuan terhadap kandungan merupakan suatu pengetahuan mengenai subjek yang diajarkan oleh guru. Masalah penguasaan sukatan pelajaran dan kandungan KOMSAS akan menyebabkan guru gagal menggunakan teknik dan kaedah yang sesuai semasa PdP dan mengakibatkan pelajar akan merasa jemu dan menganggap pengajaran yang dibawa oleh guru tidak menyeronokkan. Perkara ini juga akan menghakis minat pelajar untuk belajar KOMSAS terutamanya pelajar bukan Melayu.

Seterusnya, kesukaran guru Bahasa Melayu untuk menukar gaya pengajaran daripada menggunakan kaedah tradisional yang lebih berpusatkan guru dalam PdP KOMSAS. Hal ini disokong oleh Jamilah dan Zamri (2016), yang menyatakan bahawa para guru mempunyai kesukaran untuk menukar daripada mengajar secara tradisional kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Pengajaran yang masih bercorak kepada kaedah tradisional akan menjadi masalah ataupun halangan untuk merangsang kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (Syazana dan Zamri 2018). Gaya pengajaran guru yang tidak menggunakan kepada gaya pengajaran yang berpusatkan pelajar akan mendorong kepada masalah pelajar yang pasif dan tidak aktif untuk mengikuti sesi PdP yang dijalankan di dalam bilik darjah. Hal ini boleh diatasi jika guru bahasa Melayu mempelbagaikan gaya pengajaran yang lebih berpusatkan pelajar di dalam bilik darjah ketika mengajar KOMSAS supaya dapat mewujudkan interaksi aktif antara guru dan pelajar seterusnya memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan KBAT adalah daripada faktor pelajar dan guru itu sendiri yang menyukarkan mereka menerapkan unsur KBAT dalam proses PdP di dalam kelas. Perkara yang menjadi masalah kepada guru dalam penerapan KBAT ialah kekurangan masa PdP KOMSAS dan masalah sumber rujukan untuk menerapkan KBAT dalam KOMSAS. Kanthasamy (2018), menyatakan bahawa terdapat dua masalah yang disebabkan oleh faktor pelajar iaitu masalah pembelajaran sehalu di dalam kelas dan masalah pencapaian pelajar yang lemah yang menyebabkan masalah dalam penerapan KBAT dalam PdP. Hal ini

kerana, pelajar lebih selesa dengan soalan rutin dan lebih bergantung kepada nota dan hafalan semata-mata. Perkara ini selari dengan kajian Yahya Othman (2014) yang menyatakan bahawa 30% pelajar tidak menjawab soalan yang berunsurkan KBAT. Nooriza dan Effandi (2015) juga berpendapat bahawa masalah yang menjadi penghalang kepada para guru dalam menerapkan KBAT dalam PdP ialah pengetahuan asas pelajar dan kesukaran pelajar untuk memahami soalan yang beraras tinggi.

Pengetahuan, sikap dan masalah guru berkaitan dengan konsep KBAT dipengaruhi oleh keberkesanan pembelajaran pelajar di dalam kelas. Hal ini demikian kerana, pengetahuan, sikap dan masalah guru tentang KBAT dalam proses PdP masih perlu untuk perubahan supaya segala inovasi yang telah direka oleh pihak KPM boleh digapai (Nor Hasmaliza 2016). Melalui PdP KOMSAS di dalam bilik darjah dapat membolehkan dan menggalakkan pelajar untuk memberikan hujah dan pendapat yang analitis dan kritis dalam pelbagai situasi (Chew Fong Peng dan Shashipriya 2014). Oleh itu, kajian ini menfokuskan kepada tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru terhadap penerapan KBAT dalam proses PdP KOMSAS bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Pengetahuan, sikap dan masalah guru terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS merujuk kepada bagaimana guru menjana KBAT pelajar dalam PdP KOMSAS dengan mewujudkan pelbagai aktiviti semasa menjalankan proses pengajaran. Terdapat tiga objektif yang digunakan untuk mencapai matlamat dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru bahasa Melayu tentang penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS.
- ii. Mengetahui tahap sikap guru bahasa Melayu dalam penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS.
- iii. Mengetahui tahap masalah guru bahasa Melayu ketika menerapkan KBAT dalam PdP KOMSAS.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah kuantitatif yang menggunakan kajian tinjauan di sekolah menengah sekitar Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Pengkaji telah memilih kaedah tinjauan kerana kaedah ini sesuai untuk ditadbir ke atas sampel dalam masa terhad dan tidak mengganggu guru dalam menjalankan tugas mereka untuk menyampaikan ilmu. Kajian ini melibatkan 108 orang guru yang mengajar di sekolah menengah melalui teknik rawak mudah bertujuan.

Kajian ini juga telah melibatkan sebanyak 20 buah sekolah menengah yang terdiri daripada sekolah menengah harian dan juga sekolah menengah berasrama. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini. Instrumen soal selidik ini telah diadaptasi dan diubah suai daripada soal selidik Chew Fong Peng dan Shashipriya (2014). Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 25.0. Borang soal selidik ini mempunyai 44 item merangkumi empat bahagian iaitu:

Bahagian A: Bahagian ini mengandungi 8 item tentang demografi responden.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 10 item tentang pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Bahagian C: Bahagian ini mengandungi 12 item tentang sikap guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Bahagian D: Bahagian ini mengandungi 14 item tentang masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

HASIL KAJIAN

Demografi

Demografi merupakan pengajian saintifik mengenai populasi manusia (Irwan, 2013). Dalam kajian ini, demografi responden diambil kira berdasarkan jantina, kaum, umur, pengalaman mengajar, tahap akademik, bidang pengkhususan dan juga kursus yang pernah disertai oleh responden sama ada kursus KBAT ataupun kursus KOMSAS. Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang merangkumi jantina, kaum, umur, pengalaman mengajar, tahap akademik, bidang pengkhususan, kursus KBAT dan kursus KOMSAS. Jadual bawah menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai latar belakang responden yang diperoleh daripada borang soal selidik.

Jadual 1: Taburan Latar Belakang Responden

Demografi	Deskriptif	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	40	37.0
	Perempuan	68	63.0
Kaum	Melayu	102	94.4
	Cina	2	1.9
	India	1	0.9
	Lain-lain	3	2.8
	Umur	20-29 tahun	37
Pengalaman Mengajar	30-35 tahun	38	35.2
	36-40 tahun	14	12.9
	41-45 tahun	8	7.4
	46 tahun ke atas	11	10.2
	Kurang 5 tahun	47	43.5
	6-10 tahun	30	27.8
	11-15 tahun	15	13.9
	16-20 tahun	4	3.7
	21-25 tahun	1	0.9
	26 tahun ke atas	11	10.2
Tahap Akademik	Diploma Pendidikan	8	7.4
	Sarjana Muda Pendidikan	87	80.6
	Sarjana Pendidikan	12	11.1
	Lain-lain	1	0.9
Bidang Pengkhususan	Bahasa Melayu sahaja	49	45.4
	Kesusasteraan Melayu sahaja	8	7.4
	Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu	31	28.7
	Bukan Bahasa Melayu	20	18.5
Kursus KBAT	Ya	34	31.5
	Tidak	74	68.5
Kursus KOMSAS	Ya	28	25.9
	Tidak	80	74.1

Responden guru perempuan menunjukkan (63.0%) didapati lebih banyak berbanding dengan responden guru lelaki (37.0%). Keadaan ini telah menjadi suatu fenomena bahawa golongan wanita pada zaman kini lebih banyak terlibat dalam profesion perguruan berbanding dengan golongan lelaki. Dari segi kaum pula menunjukkan seramai 102 orang (94.4%) responden terdiri daripada guru yang berbangsa Melayu dan hanya 3 orang (2.8%) sahaja daripada kaum lain-lain. Terdapat juga guru yang mengajar bahasa Melayu yang terdiri daripada kaum Cina (1.9%) dan India (0.9%). Majoriti guru yang mengajar bahasa Melayu adalah terdiri daripada kaum Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda mereka, jadi perkara ini akan menjadi mudah untuk mereka mengajar para pelajar. Dari segi umur, majoriti guru bahasa Melayu berumur 30-35 tahun iaitu seramai 38 orang (35.2%), guru yang berumur 20-29 tahun adalah seramai 37 orang (34.3), 36-40 tahun adalah seramai 14 orang (12.9%), golongan guru yang berumur 46 tahun ke atas adalah seramai 11 orang (10.2%) dan yang terendah ialah golongan guru yang berumur 41 hingga 45 mempunyai bilangan seramai 8 orang (7.4%). Keadaan ini menunjukkan banyak guru yang mempunyai pengalaman yang kurang di sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian ini.

Dari segi tahap akademik menunjukkan bahawa majoriti guru memiliki kelayakan sarjana muda pendidikan iaitu seramai 87 orang (79.6%), golongan kedua yang menunjukkan kekerapan dan peratusan tinggi ialah guru yang mempunyai kelayakan sarjana pendidikan (11.1%) dan hanya seorang responden guru (0.9%) yang tidak memiliki ikhtisas dalam bidang pendidikan. Terdapat 8 orang (7.4%) guru yang mempunyai kelayakan diploma pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, guru-guru yang mengajar di sekolah menengah terdiri daripada golongan siswazah. Kesemua guru yang menjadi responden kajian adalah terlatih. Bagi bidang pengkhususan pula menunjukkan responden guru menunjukkan kebanyakan responden guru adalah daripada bidang bahasa Melayu (45.4%) dan yang terendah adalah guru daripada bidang Kesusasteraan Melayu (7.4%). Terdapat juga guru yang bidang bukan Bahasa Melayu (18.5%) dan selebihnya guru daripada bidang pengkhususan bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu (28.7%).

Terdapat ramai responden yang tidak pernah mengikuti kursus KBAT iaitu sebanyak 68.5%. Namun begitu, kesemua responden memahami akan konsep KBAT kerana mereka telah diberi pendedahan tentang konsep KBAT walaupun hanya 31.5 % guru sahaja yang pernah mengikuti kursus KBAT. Begitu juga dengan responden yang mengikuti kursus KOMSAS yang hanya 25.9% sahaja yang pernah menyertai kursus tersebut dan baki 74.1% responden tidak pernah mengikuti kursus KOMSAS. Hal ini mungkin disebabkan kursus-kursus tentang KOMSAS telah mengehadkan bilangan peserta yang perlu menghadiri kursus tersebut dan menyebabkan guru-guru yang lain tidak dihantar untuk menyertai kursus.

Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS

Tahap pengetahuan merujuk kepada pemahaman guru Bahasa Melayu tentang konsep KBAT bagaimana guru menerapkan konsep tersebut semasa PdP KOMSAS dijalankan di dalam bilik darjah. Jadual 2 menunjukkan skor min tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT bagi sebelum PdP dan semasa PdP KOMSAS. Berdasarkan jadual 1, nilai min keseluruhan bagi sebelum PdP (min 3.917, SP 0.398) dan semasa PdP (min 3.970, SP 0.383). Min keseluruhan bagi semasa PdP menunjukkan nilai yang tinggi berbanding dengan nilai keseluruhan min sebelum PdP. Namun begitu, nilai min keseluruhan bagi sebelum dan semasa PdP yang dijalankan oleh guru menunjukkan tahap yang tinggi terhadap pengetahuan guru tentang KBAT. Hasil analisis data bagi tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap

penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS berada pada tahap tinggi. Hal ini telah membuktikan bahawa, guru memiliki pengetahuan yang mencukupi untuk menerapkan KBAT kepada pelajar ketika PdP KOMSAS dijalankan.

Jadual 2: Tahap Pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS

Bil	Item	Min	SP	Tahap Interpretasi
Sebelum PdP				
1.	Saya tahu tentang kandungan sukatan pelajaran bagi KBAT dalam KOMSAS.	3.93	.403	Tinggi
2.	Saya tahu bagaimana untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran KOMSAS.	3.98	.453	Tinggi
3.	Saya tahu bagaimana menggunakan pelbagai teknik dan strategi untuk mengajar KBAT.	3.99	.538	Tinggi
4.	Saya tahu bagaimana untuk mengajar KOMSAS dan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan KBAT.	4.02	.473	Tinggi
5.	Saya tahu bagaimana menentukan isi kandungan pelajaran dalam PdP KOMSAS berdasarkan pada kebolehan pelajar.	3.94	.459	Tinggi
Keseluruhan		3.917	0.398	Tinggi
Semasa PdP				
1.	Saya mengetahui cara melibatkan pelajar secara aktif dalam proses PdP KOMSAS.	3.99	.421	Tinggi
2.	Saya mengetahui penggunaan peta pemikiran i-think dalam PdP KOMSAS.	3.94	.508	Tinggi
3.	Saya mengetahui bagaimana untuk menilai perkembangan pelajar dalam KBAT semasa proses PdP KOMSAS dijalankan.	3.90	.528	Tinggi
4.	Saya mengetahui penggunaan soalan dan penyoalan dalam PdP KOMSAS.	3.93	.506	Tinggi
5.	Saya memiliki pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk mengembangkan kemahiran berfikir pelajar.	3.82	.561	Tinggi
Keseluruhan		3.970	0.383	Tinggi

Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS

Tahap sikap guru merujuk kepada tingkah laku ataupun perlakuan guru bagi sebelum dan semasa PdP dalam menerapkan KBAT semasa PdP KOMSAS dijalankan. Berdasarkan Jadual 3 di bawah menunjukkan skor min tahap sikap guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT bagi sebelum PdP dan semasa PdP. Jadual 2 tersebut menunjukkan nilai min keseluruhan bagi sebelum PdP (min 3.894, SP 0.396) dan semasa PdP (min 3.875, SP 0.382). Nilai min keseluruhan bagi sebelum PdP memiliki nilai yang tinggi berbanding dengan nilai min keseluruhan bagi semasa PdP. Walau bagaimanapun, kedua-dua nilai min keseluruhan tersebut tidak mempunyai banyak perbezaan nilai dan masih menunjukkan nilai

min yang mempunyai tahap tinggi. Guru-guru juga membuat persediaan yang terperinci sebelum PdP bermula supaya PdP dapat berjalan dengan lancar. Hasil analisis data secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap sikap guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS berada pada tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa guru Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif dalam menerapkan elemen KBAT dalam PdP KOMSAS.

Jadual 3: Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS

Bil	Item	Min	SP	Tahap Interpretasi
Sebelum PdP				
1.	Saya sentiasa menyediakan rancangan pengajaran berasaskan KBAT untuk PdP KOMSAS.	3.97	.463	Tinggi
2.	Saya menyediakan bahan bantu mengajar berasaskan KBAT bagi menjana pemikiran pelajar dalam PdP KOMSAS.	3.94	.544	Tinggi
3.	Saya menyediakan senarai soalan KBAT yang akan digunakan semasa PdP KOMSAS.	3.64	.676	Tinggi
4.	Saya menyediakan jawapan bagi soalan KBAT yang akan ditanya sebelum PdP KOMSAS bermula.	3.57	.713	Tinggi
5.	Saya menyediakan aktiviti yang dapat mendorong pelajar untuk meneroka idea baharu melalui pembacaan KOMSAS.	3.97	.502	Tinggi
6.	Saya menyediakan aktiviti pengukuhan dengan menggunakan KBAT untuk menjana idea pelajar di dalam PdP KOMSAS.	4.26	.570	Tinggi
Keseluruhan		3.894	0.396	Tinggi
Semasa PdP				
1.	Saya menggabung jalin isi pelajaran dengan mengaplikasikan KBAT dalam PdP KOMSAS.	3.88	.488	Tinggi
2.	Saya menerangkan kemahiran menggunakan ICT penting bagi menggalakkan minat pelajar mencari maklumat berkaitan KOMSAS.	3.61	.593	Tinggi
3.	Saya menunjukkan kemahiran mengendalikan PdP untuk menggalakkan pelajar membuat jangkakan sesuatu peristiwa pemerhatian dan data yang diperoleh.	3.76	.562	Tinggi
4.	Saya memberikan peluang kepada pelajar untuk memberikan pendapat semasa proses PdP KOMSAS.	4.00	.512	Tinggi
5.	Saya menggalakkan pelajar untuk menggunakan perkataan baharu merujuk kamus dalam talian.	3.88	.607	Tinggi
6.	Saya kerap memberikan latihan yang mampu untuk menjana dan menghasilkan idea pelajar.	4.12	.559	Tinggi
Keseluruhan		3.875	0.382	Tinggi

Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan KBAT dalam Pdp KOMSAS

Masalah guru yang dibincangkan dalam kajian ini merujuk kepada kesukaran ataupun kekangan yang

dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menerapkan KBAT dalam PdP KOMSAS. Masalah yang dihadapi oleh guru-guru dapat memberi kesan kepada guru sendiri dan juga kepada pelajar. Merujuk kepada Jadual 4 dibawah menunjukkan skor min masalah kepada guru dan masalah kepada pelajar terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS. Berdasarkan Jadual 4, nilai min keseluruhan masalah kepada guru (min 3.116, SP 0.992) lebih tinggi berbanding dengan nilai min keseluruhan bagi masalah kepada pelajar (min 2.578, SP 0.689).

Masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS berdasarkan kepada masalah kepada guru dan pelajar menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan hasil analisis data bagi masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS berada pada tahap sederhana dan masih boleh diperbaiki. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu mencari solusi untuk mengatasi segala masalah yang dapat menghalang proses pengajaran guru untuk menerapkan elemen KBAT semasa sesi PdP KOMSAS dijalankan di dalam bilik darjah.

Jadual 4: Masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS

Bil	Item	Min	SP	Tahap Interpretasi
Masalah kepada guru				
1.	Pelajar mengambil masa yang lama untuk mengaplikasikan KBAT dalam KOMSAS.	3.17	1.12	Sederhana
2.	Peruntukan masa untuk pengajaran KOMSAS tidak memadai.	3.44	1.12	Sederhana
3.	Pelajar tidak menggunakan bahan-bahan bacaan yang dibawa oleh guru.	3.08	1.13	Sederhana
4.	Pelajar tidak dapat berfikir dengan baik walaupun guru telah menyediakan aktiviti yang menarik.	3.06	1.159	Sederhana
5.	Pelajar tidak berminat dalam PdP KOMSAS berbentuk KBAT.	3.12	1.142	Sederhana
6.	Pelajar tidak dapat mengikuti aktiviti KBAT yang guru sediakan dalam PdP KOMSAS.	2.89	1.05	Sederhana
7.	Pelajar tidak mahir menjawab soalan KBAT yang diajukan oleh guru semasa PdP KOMSAS.	3.06	1.07	Sederhana
Keseluruhan		3.116	0.992	Sederhana
Masalah kepada pelajar				
1.	Guru tidak mendapat pendedahan tentang kaedah mengajar KBAT.	3.10	.96	Sederhana
2.	Guru kurang kemahiran dalam pengaplikasian KBAT dalam PdP KOMSAS.	2.86	.92	Sederhana
3.	Guru kekurangan sumber rujukan dan maklumat untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdP KOMSAS.	2.88	.96	Sederhana
4.	Guru kurang menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dalam PdP KOMSAS yang disertai dengan aktiviti KBAT.	2.41	.918	Sederhana

5. Guru kurang menggalakkan pelajar untuk menggunakan analogi/perbandingan dalam menerangkan sesuatu perkara atau konsep dalam PdP KOMSAS.	2.40	.831	Sederhana
6. Guru tidak memberikan dorongan kepada pelajar untuk bertanya apabila terdapat keraguan semasa PdP KOMSAS.	2.23	.781	Rendah
7. Guru tidak memberikan peluang kepada pelajar untuk menjana idea semasa PdP KOMSAS dijalankan.	2.17	.791	Rendah
Keseluruhan	2.578	0.689	

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan tahap interpretasi min berdasarkan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS mempunyai tahap yang tinggi. Kajian ini menunjukkan dengan jelas tentang sejauh mana tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah terhadap KBAT dalam PdP KOMSAS. Hasil kajian juga mendapati bahawa, tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT bagi sebelum dan semasa PdP memiliki nilai min keseluruhan yang tinggi. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Fadilla dan Zamri (2019), yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru dalam menggunakan elemen KBAT dalam PdP adalah tinggi. Keseluruhan hasil kajian memperlihatkan guru bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang penggunaan strategi dan teknik KBAT dalam PdP KOMSAS. Menurut Cheng (2011), seseorang guru harus memiliki kepelbagaian strategi dalam PdP bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar seterusnya dapat memastikan proses PdP berjalan dengan lancar.

Hasil kajian ini juga selari dengan dapatan Siti Zaleha (2015) yang menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap yang tinggi. Semasa proses PdP dijalankan, seseorang guru perlulah memiliki pengetahuan yang tinggi tentang kemahiran berfikir untuk diterapkan kepada pelajar (Sharifah Nor, 2012). Penggunaan pelbagai strategi, teknik, kaedah dan pendekatan untuk menerapkan KBAT semasa PdP dapat membantu pelajar untuk menjana pemikiran mereka membudayakan kemahiran berfikir. Pembudayaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar sebagai teras utama di dalam PdP perlu dititikberatkan oleh guru. Hal ini kerana, guru yang mempunyai pengetahuan yang kurang tentang KBAT akan mengakibatkan kesukaran untuk menerapkan pemikiran aras tinggi dalam PdP KOMSAS.

Dapatan kajian juga jelas menunjukkan bahawa guru-guru mengetahui tentang bagaimana untuk menerapkan KBAT dalam PdP KOMSAS. Hal ini boleh dilihat pada skor min bagi setiap item untuk tahap pengetahuan yang menunjukkan min yang tinggi untuk sebelum dan semasa PdP. Bagi sebelum PdP, majoriti guru-guru mengetahui bagaimana untuk mengajar KOMSAS dan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan KBAT dan mereka juga mengetahui bagaimana untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran KBAT. Bagi semasa PdP pula, kebanyakan guru mengetahui cara untuk melibatkan para pelajar secara aktif dalam proses PdP KOMSAS. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan kajian Norafidah dan Juliana (2015), yang menyatakan bahawa pengetahuan guru tentang KBAT masih terhad kepada teknik penyoalan dan peta pemikiran *i-Think* sahaja.

Berdasarkan hasil kajian bagi tahap sikap guru menunjukkan majoriti guru menunjukkan tahap sikap yang tinggi tentang penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS di dalam kelas. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebelum bermulanya proses PdP, guru bahasa Melayu telah menyediakan aktiviti pengukuhan dengan menerapkan KBAT untuk menjana idea pelajar di dalam kelas. Selain itu, guru-guru

juga menyediakan aktiviti yang boleh mendorong pelajar meneroka idea baharu melalui pembacaan KOMSAS. Semasa proses PdP berlangsung juga, guru sentiasa memberikan peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka tentang KOMSAS. Keadaan ini bertentangan dengan kenyataan Wan Amirah et. al (2016), yang menyatakan bahawa kemahiran berfikir kurang disebatikan oleh guru-guru dalam PdP.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan majoriti guru memperlihatkan sikap yang positif iaitu memiliki min keseluruhan yang tinggi bagi sebelum dan semasa proses PdP. Sikap positif guru ini akan menghasilkan suatu kesan yang positif terhadap hasil PdP. Hal ini selari dengan kajian Noorleha (2016), yang mendapati sikap positif yang ditonjolkan oleh guru terhadap sesuatu pendekatan, strategi, teknik dan kaedah yang digunakan mempunyai kaitan yang rapat dengan tahap sikap dan kemahiran pelaksanaan guru. Menurut Zamri (2014), jika kaedah tradisional ataupun '*chalk and talk*' semasa pengajaran masih digunakan, maka sesuatu kecemerlangan dan kejayaan dalam sesuatu subjek tidak boleh tercapai apabila guru tidak mengambil kira tentang pencapaian pelajar yang dipengaruhi oleh kemahiran berfikir.

Guru-guru Bahasa Melayu telah memperlihatkan sikap positif tentang kesedaran untuk mengikuti latihan yang berterusan mengenai KBAT supaya mereka dapat menjadi seorang guru yang berkesan dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Perkara ini disokong oleh Hasnah dan Jamaludin (2016), yang menyatakan bahawa guru bahasa Melayu yang menunjukkan sikap positif dan bersedia untuk menjalani latihan berterusan dan profesional dalam pelaksanaan KBAT mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

Dari segi masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS berada pada aras yang sederhana bagi masalah kepada guru dan masalah kepada pelajar. Perkara yang menjadi masalah kepada guru adalah pelajar tidak dapat mengikuti aktiviti KBAT yang telah disediakan oleh guru. Keadaan ini akan menyebabkan PdP KOMSAS tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Selain itu, pelajar juga tidak dapat berfikir dengan baik walaupun pelbagai aktiviti telah disediakan oleh guru dan juga kebanyakan pelajar masih tidak mahir untuk menjawab soalan KBAT yang diajukan oleh guru semasa PdP. Perkara ini telah menjadi suatu masalah kepada guru untuk menerapkan KBAT dalam PdP KOMSAS.

Namun begitu, terdapat juga masalah penerapan KBAT oleh guru yang boleh menjadi suatu masalah kepada pelajar. Hasil kajian menunjukkan walaupun guru memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dan tahap sikap yang positif terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS, tetapi terdapat juga guru yang masih kurang kemahiran dan kurang sumber rujukan dalam pengaplikasian KBAT dalam PdP. Menurut Mohamad Nurul Azmi et. al (2017), kesukaran seseorang guru untuk membina soalan yang beraras tinggi dan mendapatkan maklumat menjadi masalah dalam menerapkan KBAT dalam PdP.

Menurut Mohd. Mohsin dan Nasrudin (2008), tingkah laku yang ditunjukkan semasa pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya menjadi halangan utama dalam pelaksanaan kemahiran berfikir dalam PdP sekolah. Sistem pendidikan yang masih berorientasikan peperiksaan menjadikan guru lebih selesa untuk menjalankan aktiviti PdP yang berpusatkan guru kerana ingin mengejar silibus. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa, para pelajar kurang diberikan peluang oleh guru untuk menjana idea ketika proses PdP KOMSAS berlangsung. Hal ini selari dengan pernyataan Chew Fong Peng dan Shashipriya (2014) yang menyatakan bahawa pelajar yang berpersonaliti menarik dan berkeaktiviti mempunyai

kecenderungan yang tinggi untuk tidak disukai oleh guru, sebaliknya, kebanyakan guru menyukai pelajar yang mudah dikawal dan diurus. Seterusnya, rakan sebaya yang dapat menjadi penghalang kepada pelajar untuk menjana idea kreatif.

Selain itu, pemahaman dan pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap konsep KBAT mampu untuk mengurangkan masalah terhadap penerapan KBAT sama ada berlakunya masalah terhadap pelajar mahupun masalah kepada guru itu sendiri. Menurut Wan Amirah, Wissam, Maimun & Isa (2016), guru perlu menyelidiki dan memperhalusi masalah yang melibatkan penerapan KBAT sehingga ke akar umbi dan melibatkan semua peringkat umur dalam kalangan guru. Hal ini kerana, segala masalah yang timbul akan menjadi batu penghalang terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS terutamanya. Apabila masalah yang dapat menghalang penerapan KBAT dapat diatasi, maka proses penerapan KBAT dalam PdP akan berjalan dengan jayanya.

Keseluruhannya, dapatan kajian terhadap tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS telah memberi implikasi terhadap keberkesanan PdP KOMSAS yang dijalankan di dalam kelas. Keberkesanan tersebut meliputi pelbagai aspek seperti pentaksiran, perancangan dan pelaksanaan PdP KOMSAS. Oleh yang demikian, jika ingin memastikan tahap pengetahuan guru dan sikap terhadap KBAT terus meningkat dan masalah guru terhadap KBAT berkurang, seseorang guru perlulah menguasai kandungan, prinsip dan elemen KBAT dan juga elemen KOMSAS bagi menjadikan

KESIMPULAN

Kesimpulannya, guru bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan dan tahap sikap yang tinggi. Keadaan ini menjelaskan bahawa, guru bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai KBAT dan mereka juga mempunyai sikap yang positif terhadap penerapan KBAT. Sementara itu, hasil kajian juga menunjukkan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT berada pada tahap sederhana. Perkara ini menunjukkan segala masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan KBAT sama ada masalah kepada guru mahupun masalah kepada pelajar masih boleh diperbaiki. Kajian ini juga mendapati bahawa proses PdP yang menggunakan ataupun menerapkan aktiviti yang berteraskan KBAT dalam bilik darjah amat sesuai dan diguna pakai oleh guru-guru untuk menggalakkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

Minat pelajar terhadap subjek Bahasa Melayu dapat dibantu dengan pengamalan budaya berfikir dalam kalangan guru. PdP yang menggunakan kaedah tradisional atau lebih bersifat konvensional sudah tidak relevan pada masa kini. Oleh yang demikian, proses PdP yang lebih terkini dengan menerapkan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pemikiran pelajar perlu lebih dipraktikkan dalam kalangan guru. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terhadap tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan KBAT dalam PdP KOMSAS telah memberi implikasi terhadap keberkesanan PdP KOMSAS yang dijalankan di dalam kelas. Keberkesanan tersebut meliputi pelbagai aspek seperti pentaksiran, perancangan dan pelaksanaan PdP KOMSAS.

KBAT merupakan asas kepada proses pendidikan pada era globalisasi ini kerana keupayaan guru terhadap untuk menguasai pengetahuan tentang KBAT akan mencorakkan gaya berfikir yang akan

mempengaruhi kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Guru berperanan sebagai sumber utama untuk mengintegrasikan masyarakat yang mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam pada itu, guru-guru perlu diberikan galakan oleh pihak sekolah untuk menyertai kursus-kursus anjuran KPM. Di samping itu, pihak pengurusan sekolah juga boleh menganjurkan satu bengkel berkenaan KBAT ataupun KOMSAS untuk mengukuhkan lagi kemahiran dan pengetahuan guru serta membantu guru-guru untuk mempelbagaikan lagi kaedah, strategi dan teknik pengajaran.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia, Prof. Dr. Zamri Mahamod yang banyak membantu dalam menyiapkan artikel ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang membantu secara langsung ataupun tidak langsung dalam penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron et. al (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 53-60.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Elemen KBAT dalam pedagogi. Retrieve 2020, November 26, from <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/kbat/1334-elemen-kbat-dalam-pedagogi/file>.
- Cheng, K.M. (2011). *Education in confucius society*. In J. Banks (Ed.), *Encyclopaedia of diversity in education* (pp. 439-441). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Chew, F.P dan Shashipriya Nadaraja (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4 (2), 10-24.
- Fadilla, A.L dan Zamri Mahamod (2019). Tahap Pengetahuan, Kesediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44.
- Irwan Nazif Mahpul (2013). Pengenalan Kepada Demografi. Retrieved 2021, April 17, from https://www.lppkn.gov.my/images/pdf/Pengenalan_Kepada_Demografi.pdf
- Jamilah Hassan dan Zamri Mahamod (2016). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran KOMSAS sekolah menengah. *Prosiding seminar pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali kelima: 27-40*. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Retrieve 2020, November 26, from https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/2014/articlefile_file_003629.pdf.
- Mohd. Mohsin & Nasrudin Yunus. (2008). Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti dikalangan pelajar. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKKIKS 08)*, 89-96. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Nurul Azmi et. al. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kurikulum reka bentuk dan teknologi sekolah rendah. *International journal of education and training*, 3(2), 1-7.
- Noorleha Mohd Yusof (2016). Pengaruh efikasi pedagogi kemahiran berfikir aras tinggi terhadap amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru sains sekolah menengah. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norafidah Noralidin dan Juliana Osong (2015). Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Penagajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia melalui komuniti pembelajaran profesional (KPP). *Proceeding, 6th Pedagogy International Seminar*, 6(1), 1-412.
- Nor Hasmaliza Hassan dan Zamri Mahamod (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90.
- Nor Laila dan Md Nasir (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pendidikan seni visual di sekolah menengah. *Journal of educational research and indigeneous studies*, 1(1), 1-15.
- Rahimah Sabtu dan Zamri Mahamod (2015). Pelaksanaan program i-think dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Prosiding seminar pascasiswazah pendidikan Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu kali keempat: 65-76*. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi.
- Sharifah Nor Puteh (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (11), 19- 31.
- Siti Zaleha Mohd Nor (2015). Pelaksanaan konsep 5P (penggabungjalinan, penyerapan, penggayaan, pemulihan dan penilaian) dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syazana Sahari dan Zamri Mahamod (2018). Persepsi guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Sri Aman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 63-78.
- Wan Amirah Wan Ismail, Wissam Ismail, Maimun Aqsha Lubis & Muhd Isa (2016). Kesiediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Selangor terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of advanced research in applied sciences and engineering technology*, 3(1), 79-92.
- Wan Azmawani Wan Adnan dan Norasmah Hj. Othman (2017). Sikap dan motivasi dalam meningkatkan pencapaian komsas Bahasa Melayu. *Seminar penyelidikan Pendidikan*, 425-435.
- Zamri Mahamod (2014). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.